

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 21/06/2019  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 46  
Tajuk : Koperasi kredit perlu lebih efisien

## Koperasi kredit perlu lebih efisien

KLANG - Koperasi kredit dan institusi perbankan di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) digesa supaya lebih efisien dalam meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya tidak mahu pelanggan beralih arah kepada institusi pinjaman wang lain sekali gus memberi kesan terhadap perolehan koperasi kredit dan institusi perbankan di bawah Angkasa.

Menurut beliau, sehingga kini, kira-kira 583 koperasi kredit di bawah Angkasa dan dua buah bank iaitu Co-opbank Persatuan Malaysia Bhd. dan Bank Rakyat yang menyediakan pinjaman kepada orang ramai.

"Oleh itu, saya mahu semua koperasi kredit dan bank-bank ini meningkatkan perkhidmatan masing-masing bagi mengelakkan pelanggan memilih institusi lain untuk meminjam seperti daripada bank konvensional serta institusi pinjaman wang berlesen yang kini terdapat lebih 4,000 buah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Pengukuhan dan Pemantapan Koperasi Kredit 2019 di Hotel Aliya di sini baru-baru ini.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA